

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1576



9 772232 157005

Pelajar FSPPP UiTM Sarawak Sertai Konferensi Peringkat Antarabangsa

Oleh: Hafiza Jamaludin

Pada 19-21 September 2014 yang lepas, satu konferensi bertajuk "International Social Science Conference (ISSC)" telah diadakan di Pusat Akademik Koreksional Langkawi, Malaysia yang dianjurkan oleh UiTM Perlis. Penganjuran konferensi antarabangsa ini merupakan kali ke-2 yang telah dilaksanakan oleh UiTM Perlis bersempena dengan sambutan ulangtahun kampus tersebut yang ke-40. Konferensi ini memberi peluang kepada pengkaji-pengkaji dan para usahawan untuk melakukan percambahan ilmu dalam mengetengahkan idea-idea mereka. Buat julung kalinya, pelajar dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Sarawak telah melibatkan diri dalam konferensi tersebut bagi membentangkan kertas kajian mereka.

Mereka yang terlibat adalah Nurshafiqah Ahmad Sharudindan Nur Afiqah Mustaff yang membentangkan kertas kajian bertajuk "The Awareness of Maritime Security among Malaysian Authorities" dan Akma Shafizah Mat Shohor serta Hafiza Jamaludin dengan kertas kajian mereka yang bertajuk "Public Awareness towards Sovereignty and Security in Malaysia". Mereka diiringi oleh dua orang pensyarah fakulti tersebut iaitu Puan Norfadhleen Mahmud dan Leftenan Kolonel (B) Saiful Anwar Md Ali.

Dalam pembentangan kertas kajian tersebut, Dr. Fikri Daud dari Universiti Riau Indonesia bertindak selaku Ketua Juri. Beliau sangat teruja dan kagum mendengar pembentangan pelajar-pelajar tersebut dan memberikan pandangan yang positif ke atas kedua-dua kajian berkenaan. Pandangan dan pendapat yang positif tersebut dapat membakar semangat para pelajar untuk melibatkan diri dalam konferensi antarabangsa seterusnya. Program seperti ini harus diteruskan bagi memastikan para pelajar sentiasa mendapat maklumat terkini, pandangan dan kerjasama di antara Malaysia dan negara-negara luar. Sering kita dengar peribahasa yang mengatakan bahawa tuntutlah ilmu hingga ke Negara China kerana ilmu diibarat seperti hujan membasahi bumi - boleh membasahi, menghidupkan dan menyuburkan.

Konferensi ini bukan sahaja memberi pengalaman yang amat bernilai kepada pelajar tetapi ia juga memberi keyakinan kepada pelajar untuk berhadapan dengan masyarakat.



Para pembentang kertas kajian dan pensyarah pengiring dari Fakulti Sains Pentadbiran Polisi, UiTM Sarawak

PROGRAM KEMBARA DESA

Oleh: Justina Nasib Sylvester Seal

Kokurikulum Kesatria Negara UiTM Samarahan telah mengadakan Program Pemantapan Diri Kokurikulum Kesatria dan Kebudayaan pada 23 Ogos 2014 di Kampung Lubok Bunting, Simunjan. Seramai 35 ahli jawatankuasa telah dilantik bagi melaksanakan dan menguruskan aktiviti ini dengan sebaik mungkin. Aktiviti khidmat masyarakat ini melibatkan 45 orang pelajar dari Persatuan Majlis Perwakilan Komander Kesatria dan Kokurikulum Kebudayaan UiTM Kota Samarahan.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan aktiviti harian penduduk kampung kawasan pedalaman, mengeratkan hubungan pelajar dan penduduk kampung, mendedahkan penduduk kampung dengan cara hidup pelajar universiti bagi memupuk semangat anak-anak kampung untuk melanjutkan pelajaran ke universiti, membantu penduduk kampung membersihkan kawasan kampung dan mendedahkan pelajar mengenai cara perlaksanaan program yang efektif untuk program yang akan datang.



AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

PELAJAR BM240 3A & 3B DI KAMPUNG SIBULUH, BAU

Oleh: Hajah Oriah Haji Akir

Bagi memenuhi keperluan kandungan kursus MGT538, pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) (Pemasaran) Semester 3 telah mengadakan aktiviti khidmat masyarakat di Kampung Sibuluh, Bau pada Sabtu, 14 Jun 2014. Seramai 45 orang pelajar ikut serta dalam program ini dan mereka diiringi oleh dua orang pensyarah. Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah gotong-royong bersama masyarakat kampung dan lain-lain aktiviti santai yang dianjurkan oleh pihak JKKK Kampung Sibuluh.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**